

## PEKELILING PENTADBIRAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

### PEKELILING PENTADBIRAN BIL.4 TAHUN 2020

#### PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN ARAHAN PENANGGUHAN SELURUH OPERASI PERKHIDMATAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Selaras dengan perutusan khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 berkenaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara dan penutupan semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam, maka Universiti Malaysia Pahang (UMP) menangguhkan semua operasi perkhidmatan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.

Sepanjang tempoh ini, warga UMP adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

#### **Aktiviti Operasi**

- i. Semua operasi perkhidmatan universiti adalah ditutup sepenuhnya dan aktiviti yang telah dijadualkan atau dirancang adalah ditangguhkan.
- ii. Sehingga dimaklumkan secara rasmi oleh pihak berkuasa, Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar akan mengemaskini status kehadiran.
- iii. Staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan kepentingan universiti seperti keselamatan, kesihatan atau staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkaitan oleh ketua jabatan hendaklah bertugas seperti yang diarahkan.
- iv. Semua staf diminta untuk memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

#### **Aktiviti Akademik**

- v. Menjadualkan semula cuti pertengahan Semester 2, Sesi 2019/2020 yang dijadualkan pada 4 - 12 April 2020 dipinda kepada 18 - 31 Mac 2020. Oleh yang demikian, tiada aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk dalam talian bagi tempoh tersebut.
- vi. Sesi pengajaran dan pembelajaran akan bermula semula pada 1 April 2020. Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan yang akan dimaklumkan kelak.

#### **Penempatan pelajar**

- vii. Semua pelajar UMP diarahkan kembali ke kediaman masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (18 - 31 Mac 2020).
- viii. Pelajar luar negara dinasihatkan pulang ke negara asal dalam tempoh ini. Pelajar yang pulang ke negara asal tidak dibenarkan kembali ke Malaysia sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa.
- ix. Pelajar yang tidak berkeupayaan untuk pulang ke kediaman masing-masing, perlu melaporkan terus kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni menerusi talian Hotline Res-Q 09-549 3333.

### **Urusan Pihak Luar**

- x. Sebarang urusan yang melibatkan pihak luar ditangguhkan serta merta sepanjang tempoh penutupan.

### **Pengecualian**

- xi. Mana-mana permohonan untuk pengecualian hendaklah mendapat kebenaran dan kelulusan Naib Canselor.

### **Pematuhan Pekeliling**

- xii. Warga kampus hendaklah sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pekeling dalam berkaitan COVID-19.
- xiii. Pekeling pentadbiran ini adalah wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Mana-mana pihak yang gagal mematuhi pekeling akan dikenakan tindakan.
- xiv. Pekeling ini terpakai kepada warga UMP dan untuk edaran dalaman sahaja.

Semua maklumat rasmi berkaitan perkara ini hanya akan dikeluarkan oleh Pejabat Naib Canselor sebagai pejabat penyelarasan yang bertanggungjawab. Adalah diharapkan agar semua pihak dapat memberikan kerjasama yang baik dalam memastikan kawalan COVID-19 ini dapat dilakukan dengan baik di peringkat Universiti Malaysia Pahang.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Memasyarakatkan Teknologi”*

Saya yang menjalankan amanah,



**PROFESOR IR. DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF**

Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 17 Mac 2020

### **Salinan kepada :**

Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan  
Ketua Pustakawan  
Penasihat Undang-Undang  
Semua Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan